



ASIA-PACIFIC REGIONAL FORUM 14-15 JUNE 2022

REVIEW RETHINK REFORM

30th
ANNIVERSARY,
UN DECLARATION
ON THE RIGHTS
OF MINORITIES
1992-2022

UNITED NATIONS
HUMAN RIGHTS
SPECIAL PROCEDURES
SPECIAL RAPPORTEURS, INDEPENDENT EXPERTS & WORKING GROUPS
Rapporteur spécial des Nations Unies pour les questions relatives aux minorités
Special Rapporteur on Minority Issues

TOM
LANTOS
INSTITUTE

Cadangan Forum Serantau Asia-Pasifik 2022

Kerangka Normatif

Peringkat Global dan Serantau

1. Isu minoriti di Asia adalah berkait rapat dengan proses dekolonisasi dan pembentukan negara baharu pasca-kolonialisme. Oleh itu, status khas berkenaan warganegara atau etnik, agama dan bahasa minoriti perlu diperakui dan dilaksana selari dengan norma perundangan antarabangsa dan tempatan.
2. Deklarasi PBB mengenai Hak Individu yang Mempunyai Kewarganegaraan atau Etnik, Agama atau Bahasa Minoriti (UNDM) perlu dijadikan perjanjian yang menyeluruh dan mengikat secara sah terhadap hak minoriti untuk memperkuuh status perlindungan minoriti sebagai isu kerjasama antarabangsa yang sah di dalam suasana dimana perlindungan terhadap hak minoriti oleh pihak antarabangsa semakin meruncing dan perlanggaran hak minoriti diabsahkan dengan alasan kedaulatan negara dan tiada campur tangan asing.
3. Jurang yang penting di dalam UNDM berkaitan kerangka normatif yang digunakan oleh PBB perlu dikenalpasti dan ditangani di setiap peringkat. Ini termasuklah pemahaman yang mendalam mengenai hak tertentu, termasuk hak penentuan kendiri untuk “kumpulan minoriti”.
4. Dengan isu pelarian dan imigran yang semakin mendapat perhatian dan pada masa yang semakin diperbalahkan, terdapat keperluan untuk penganjuran dialog mengenai tindakbalas yang mungkin di dalam masalah kewarganegaraan dan kerakyatan di dalam perundangan antarabangsa. Isu mengenai pelbagai kewarganegaraan dan kategori minoriti perlu dibincangkan.
5. Cakupan norma hak minoriti antarabangsa perlu diperluas untuk mengambilkira kumpulan kasta seperti golongan Dalit. Agensi PPB yang relevan, Pelapor Khas PBB mengenai isu minoriti and Program Felo PBB mengenai Minoriti perlu memasukkan isu ini di dalam jangkauan aktiviti mereka.
6. PBB perlu mewujudkan kerangka konsep untuk memahami istilah “Islamofobia” melalui proses advokasi dan permufakatan supaya norma antarabangsa yang baharu untuk mengekang Islamofobia dapat dibangunkan.
7. Golongan minoriti dan peribumi adalah mangsa utama dalam impak musibah alam sekitar yang berpunca dari penerokaan melulu terhadap sumber asli yang kebiasaannya berlaku di lokasi tempat tinggal golongan minoriti. Oleh itu, kerangka normatif untuk melindungi golongan minoriti perlu mengambilkira kerangka perundangan untuk keadilan iklim.

8. Norma perundangan yang ketat mengenai tanggungjawab dan akauntabiliti negara terhadap pembangunan ekonomi yang memberi kesan terhadap kepentingan golongan minoriti perlu dirangka.
9. Peruntukan berasingan perlu dimasukkan ke dalam UNDM untuk menampilkan peranan Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan dalam melindungi dan mempromosi hak minoriti kewarganegaraan, etnik, agama dan bahasa.
10. Pemimpin serantau perlu terlibat dalam persidangan peringkat global untuk mengambil peluang dari momentum yang unik yang telah terbentuk dari usaha mengenalpasti kezaliman dan perlanggaran hak minoriti yang berlaku secara sistematis dan berleluasa di seluruh dunia. Persidangan ini perlu membincang dan menggesa wujudnya suatu kerangka normatif yang melibatkan sinergi konkret dari peringkat tempatan hingga nasional, mekanisme serantau dan global untuk perlindungan dan penglibatan minoriti serta kebertanggungjawaban dalam perlanggaran hak minoriti sama ada ianya dilakukan oleh pelaku dari kerajaan atau sebaliknya.

Peringkat Kerajaan

11. Pengiktirafan di dalam Perlembagaan dan perlindungan hak, identiti dan budaya minoriti perlu dijamin untuk menguruskan masalah yang terbit dari proses pembinaan negara yang bersifat homogen melalui lensa golongan majoriti.
12. Negara perlu meratifikasi semua konvensyen antarabangsa dan menyokong deklarasi berkaitan hak minoriti dan kumpulan peribumi, termasuklah Konvensyen ILO 169, UNDM, Deklarasi PBB mengenai Hak Peribumi (UNDRIP), Konvensyen UNESCO dalam melawan Diskriminasi dalam Pendidikan, Protokol Tambahan kepada Perjanjian Antarabangsa mengenai Hak Ekonomi, Sosial dan Budaya, dan mengambil dan melaksana tindakan yang diperlukan untuk menghormati, melindungi dan memenuhi hak minoriti dan kumpulan peribumi di peringkat nasional, negeri dan tempatan.
13. Apabila ada keperluan, kerajaan perlu merangka undang-undang baharu untuk memastikan perlindungan ke atas kumpulan minoriti, dan mengubahsuai atau memansuhkan undang-undang dan struktur yang mendiskriminasi dan memformalkan diskriminasi, prejedis dan hukuman berdasarkan etnik, agama, bahasa dan kasta. Kerajaan perlu melaksana dan memperkembang Syor Umum 29 oleh Jawatankuasa mengenai Penghapusan Diskriminasi Kaum (CERD) mengenai diskriminasi berdasarkan asal-usul yang memohon Kerajaan untuk mengambil “tindakan bagi mengenalpasti komuniti berdasarkan asal-usul di bawah tanggungjawab mereka yang menderita dari diskriminasi, terutamanya yang berdasarkan kasta dan sistem status yang diwarisi” (perenggan 1.(a)).

Institusi, Mekanisme, Polisi dan Program

Peringkat Global dan Serantau

14. Agensi PBB termasuklah OHCHR dan UNDP perlu mengarusperdanakan hak minoriti dalam urusan mereka dan perlu mewujudkan pejabat dan melaksanakan

urusan mereka di wilayah minoriti dan memantau perlanggaran hak minoriti. Agensi-agensi ini juga perlu mengambil golongan minoriti sebagai kakinangan.

15. Peluang pendanaan untuk golongan minoriti seperti contoh Dana Sukarela PBB untuk Golongan Minoriti (seumpama Dana Sukarela PBB untuk Golongan Peribumi) perlu diwujudkan dengan sokongan dana dari kerajaan untuk membantu wakil dan organisasi golongan minoriti melibatkan diri dalam mekanisme dan proses semakan untuk perlindungan hak minoriti yang relevan di peringkat global dan serantau.
16. Perlu ada kerjasama yang lebih baik antara mekanisme pemantauan hak asasi manusia PBB yang merangkumi Forum PBB mengenai Isu Minoriti, mahkamah tempatan, dengan tujuan yang menyeluruh untuk membawa akauntabiliti terhadap mangsa perlanggaran hak asasi manusia termasuklah jenayah yang kejam.
17. Susulan dari ulangtahun ke-30 UNDM, ahli golongan minoriti dan para pemegangtaruh yang relevan perlu melaksanakan penilaian terhadap perundangan yang memberi kesan terhadap golongan minoriti dan hak mereka, dan meneliti sama ada perundangan tersebut memaju atau mengekang pelaksanaan hak asasi manusia buat golongan minoriti.
18. Mandat Pelapor Khas PBB mengenai Isu Minoriti perlu diperluas dengan merangkumi lawatan ke wilayah-wilayah dimana golongan minoriti ditindas bergantung kepada jemputan dari golongan minoriti berkenaan.
19. Pelapor Khas PBB mengenai Isu Minoriti perlu mengekalkan kerjasama dan dialog berterusan bersama Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (NHRI) berkaitan isu hak-hak minoriti berkenaan kewarganegaraan atau etnik, keagamaan dan bahasa.
20. PBB perlu menginstitusikan Forum Serantau dan Forum mengenai Isu Minoriti perlu dilengkapkan dengan forum tetap, seperti Forum Tetap mengenai Isu Peribumi supaya pemegangtaruh golongan minoriti di peringkat akar umbi dapat berperanan dalam proses ini dan terlibat dalam pembangunan hak minoriti.
21. Walaupun terdapat perlindungan khas terhadap hak minoriti atau kesamarataan formal sebelum perundangan itu wujud, kebiasaannya perlaksanaannya adalah tidak berkesan. Peluang untuk protes secara politik kebanyakannya adalah tidak selamat dan tidak wujud. PBB perlu menyediakan bantuan pembinaan kapasiti dan teknikal kepada golongan minoriti untuk melaporkan kepada badan triti yang relevan berkenaan perlanggaran hak minoriti termasuklah hak untuk berhimpun secara aman.
22. PBB perlu menerbitkan panduan yang berasingan kepada Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (NHRI) yang menggariskan panduan khusus mengenai perlindungan dan promosi hak asasi manusia golongan minoriti.
23. Institusi kewangan antarabangsa seperti Bank Dunia perlu menerima pakai dan melaksana kaedah perlindungan yang mematuhi piawaian hak asasi manusia antarabangsa untuk melindungi hak golongan minoriti dan kaum peribumi.
24. Institusi kewangan antarabangsa dan syarikat perlu memasukkan penilaian impak negatif aktiviti perniagaan terhadap hak asasi manusia melalui Penilaian Impak Hak Asasi Manusia (HRIAs) dengan perhatian khusus terhadap risiko hak asasi dan impak kepada kumpulan minoriti dan kaum peribumi.

25. Perniagaan perlu memastikan pematuhan penuh terhadap perlindungan hak minoriti di dalam operasi dan rantaian bekalan. Sehingga kini, UN Global Impact, Kumpulan Kerja PBB dan Forum PBB mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia perlu mengintegrasikan hak minoriti di dalam aktiviti pemantauan dan pelaporan mereka.
26. Mekanisme serantau mengenai hak asasi manusia, termasuklah hak minoriti, perlu diwujudkan untuk menjadi penghubung antara PBB dan mekanisme hak asasi manusia peringkat kebangsaan atau tempatan. Mekanisme serantau tersebut dapat menangani/libat urus dengan institusi yang pelbagai dan relevan untuk menentukan norma dan proses yang diperlukan untuk perlindungan minoriti.
27. Bersempena dengan Forum PBB mengenai Isu Minoriti, ASEAN sepatutnya menubuhkan forum minoriti untuk menggalakkan pertukaran pandangan dan kerjasama di kalangan golongan minoriti di Asia Tenggara dan Asia Timur.

Peringkat Kerajaan

28. Kerajaan perlu menghormati hak untuk menentukan identiti-kendiri yang dimiliki oleh individu yang berasal golongan minoriti warganegara, etnik, agama dan bahasa sebagai asas kepada polisi yang mengiktiraf golongan minoriti dan menghentikan polisi asimilasi.
29. Kerajaan harus mengiktiraf kepelbagaian etnik, agama dan bahasa di dalam perlembagaan dan menggabungkan unsur hormat terhadap kepelbagaian tersebut di dalam undang-undang, polisi dan amalan institusi kerajaan yang juga selari dengan piawaian antarabangsa seperti yang digariskan di dalam UNDM. Ini juga perlu memasukkan peruntukan berkenaan kemajmukan agama, dan pengiktirafan terhadap hak bahasa minoriti.
30. Kerajaan perlu memastikan golongan minoriti dapat melaksanakan hak dan mengamalkan agama mereka selaras dengan Artikel 2.1 UNDM, termasuklah hak untuk beribadat dan menjaga rumah ibadat.
31. Kerajaan perlu memastikan pelaksanaan dan aplikasi hak minoriti yang praktikal, termasuklah membangun dan menilai pelan tindakan berkenaan hak minoriti secara berkala dengan melibatkan penyertaan berkesan wakil-wakil minoriti kewarganegaraan, etnik, agama dan bahasa.
32. Kerajaan perlu membangunkan polisi jangka panjang yang menyeluruh untuk melawan stereotaip negatif dan diskriminasi terhadap individu dan kumpulan minoriti, dan mempromosi kefahaman silang budaya, pendidikan budaya dan sejarah minoriti di dalam kurikulum kebangsaan. Semua pelajar perlu digalakkan untuk mempelajari budaya dan bahasa komuniti minoriti untuk membentuk kefahaman yang lebih baik, keamanan, toleransi dan persahabatan antara kumpulan etnik, warganegara dan kumpulan agama dan individu dari kumpulan peribumi. Kandungan kurikulum sedia ada termasuklah buku teks, perlu dinilai berdasarkan piawaian pendidikan silang budaya yang jelas, termasuklah perwakilan wajar dan penglibatan berkesan kumpulan minoriti.
33. Kerajaan perlu menghentikan semua tindakan balas dendam, termasuklah pembunuhan, kehilangan secara paksa, hukuman atau ugutan, terhadap pembela hak asasi manusia dan minoriti, wartawan, peguam dan mereka yang bekerja untuk mempromosi dan melindungi hak asasi manusia golongan minoriti. Kerajaan

perlu memastikan sesiapa yang melakukan jenayah terhadap kumpulan minoriti perlu dibawa ke muka pengadilan.

34. Kerajaan perlu memastikan akses secukupnya terhadap keadilan bagi individu dari minoriti kewarganegaraan atau etnik, agama dan bahasa bagi menjamin mereka menerima khidmat perundangan yang berkesan apabila berdepan dakwaan terhadap perlanggaran hak mereka.
35. Kerajaan perlu memansuh atau menambahbaik peruntukan undang-undang yang memberi kesan yang tidak seimbang ke atas golongan minoriti agama terutamanya berkaitan penghinaan agama, anti-pertukaran agama, menentang keganasan dan hasutan. Undang-undang ini menafikan hak untuk menikmati kebebasan beragama atau kepercayaan, dan kebolehan untuk terlibat dalam dialog membina mengenai agama sebagaimana yang digariskan dibawah Artikel 18 dan 27 ICCPR dan Deklarasi PBB mengenai Penghapusan Semua Jenis Sikap Tidak Bertoleransi dan Diskriminasi berdasarkan Agama atau Kepercayaan.
36. Kerajaan perlu membentuk dan melaksana polisi kebangsaan yang ketat dan kerangka perundangan untuk menghalang, mengutuk dan menghukum amalan penukaran agama secara paksa yang berleluasa, yang kebanyakannya memberi kesan kepada wanita, terutamanya kanak-kanak perempuan dibawah umur dari kalangan minoriti agama, yang mengakibatkan kahwin paksa bawah umur. Perundangan tersebut sepatutnya menjamin hukuman buat para pesalah.
37. Kerajaan perlu membangunkan mekanisme yang berkesan atau memperkuuh mekanisme sedia ada untuk mengenalpasti, memberi respon kepada, dan mengenakan hukuman terhadap ucapan kebencian dan pencetus kepada diskriminasi, permusuhan atau keganasan yang mensasarkan golongan minoriti etnik atau warganegara, agama dan bahasa, termasuklah di atas talian atau di laman media sosial. Kerajaan perlu memastikan agensi penguatkuasa undang-undang mengekang dari terlibat dalam ucapan kebencian, mencetus diskriminasi, permusuhan atau keganasan, atau jenayah kebencian, dan sebarang kejadian berkaitan dihukum dan ditangani.
38. Kerajaan perlu melaksanakan undang-undang anti diskriminasi berdasarkan kasta yang berkesan dan menggubal polisi toleransi sifar berkenaan dengan kes diskriminasi berdasarkan kasta dan diharamkan untuk disentuh (CBDU), dan menjamin siasatan yang tidak berpihak, penghukuman dan hak untuk dibicarakan secara adil.
39. Kerajaan perlu menganjurkan program pendidikan hak asasi manusia secara menyeluruh mengenai CBDU untuk agensi-agensi penguatkuasa undang-undang dan pentadbir awam.

Penyertaan

Peringkat Antarabangsa dan Serantau

40. Berpandukan Artikel 2(3) UNDM dalam membincangkan hak untuk terlibat dalam proses pembuatan keputusan, peruntukan yang lebih khusus perlu dirangka untuk memastikan penglibatan yang lebih berkesan oleh individu dari golongan minoriti warganegara atau etnik, agama dan bahasa secara berseorangan atau kolektif di dalam proses pembuatan keputusan berkaitan pembangunan.

41. PBB perlu mengarusperdanakan penglibatan golongan minoriti di dalam mekanisme badan perjanjian bagi memberikan contoh kepada negara peserta bagaimana pendekatan tersebut dapat berfungsi sebagai asas dan amalan bagi libaturus yang berkesan.
42. Kayu ukur teras perlu dibangunkan untuk penilaian berkala dan menilai impak pendekatan dan prosedur bagi membolehkan penglibatan minoriti di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa. Sebagai contoh, pengumpulan data boleh mengukur sama ada isu minoriti telah mendapat perhatian hasil dari penglibatan, dan sama ada undang-undang anti-diskriminasi dan fitnah telah digunakan dengan jayanya untuk menangani perlanggaran hak minoriti.

Peringkat Kerajaan

43. Kerangka berdasarkan negara perlu dibangunkan untuk menampung autonomi serantau dan aturan perkongsian kuasa untuk menampung kepentingan dan memastikan hak kumpulan minoriti termasuklah kaedah perwakilan seperti konsosianasionalisme.
44. Kerajaan perlu memastikan hak golongan minoriti untuk membentuk persatuan sivil dan keagamaan.
45. Dalam mengatur norma perlindungan minoriti dan pelaksanaannya, perhatian perlu diberikan terhadap perspektif persilangan identiti. Tindakan sewajarnya perlu diambil untuk melindungi hak individu kumpulan minoriti terutamanya wanita.
46. Kerajaan perlu memastikan perwakilan berkesan kumpulan minoriti warganegara atau etnik, agama, bahasa dan kasta di dalam institusi kerajaan di setiap peringkat termasuklah kehakiman, badan pentadbiran, misi diplomatik, suruhanjaya dan lantikan politik.
47. Kerajaan perlu memastikan penglibatan secara berkesan untuk wakil atau golongan minoriti etnik atau warganegara, agama atau bahasa di dalam pembangunan, pelaksanaan dan pemantauan undang-undang dan polisi yang berkaitan mereka termasuk tindakan khusus dan berkaitan isu hak tanah dan sumber asli. Diskriminasi terdahulu dan terkini, peminggiran dan kesenjangan sosio-ekonomi yang dialami oleh kumpulan berkenaan termasuklah golongan wanita dan belia minoriti perlu ditangani melalui undang-undang dan polisi.
48. Bersangkutan dengan hak golongan minoriti untuk terlibat dalam kehidupan berekonomi, kerajaan perlu menyediakan suasana sewajarnya, termasuklah suasana ekonomi, bagi memastikan hak untuk taraf hidup wajar untuk semua.
49. Kerajaan perlu memasti dan mempromosi amalan pengambilan pekerja yang adil melibatkan golongan minoriti termasuklah wanita supaya diskriminasi secara langsung atau tidak langsung dapat dielakkan. Kerajaan perlu memulakan tindakan khusus di bawah Artikel 1(4) Konvensyen Antarabangsa mengenai Penghapusan Semua Bentuk Diskriminasi Kaum (ICERD) yang berkaitan dengan golongan minoriti dan juga wanita dari golongan minoriti dengan tujuan menangani kesenjangan berstruktur dan kesenjangan bersejarah.
50. Bagi meningkatkan penyertaan minoriti yang berkesan, kerajaan perlu menyediakan aktiviti pembangunan kapasiti kepada wakil golongan minoriti di Parlimen, kehakiman dan pentadbiran awam.

51. Para pemegangtaruh yang relevan perlu menyediakan pendidikan kepada minoriti untuk meningkatkan kesedaran mereka mengenai hak mereka dan membolehkan penyertaan mereka serta libaturus di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa untuk memaju dan mewakili kepentingan serta keperluan mereka.
52. Para pemegangtaruh yang relevan perlu melaksanakan aktiviti pembinaan kapasiti melibatkan pemimpin negara dan pegawai kerajaan mengenai kaedah melibatkan penyertaan golongan minoriti yang berkesan melalui pengenalan perundangan yang khusus berkenaan minoriti dan mewujudkan suasana yang membolehkan penyertaan tersebut berlaku dengan berkesan.
53. Para pemegangtaruh yang relevan perlu mewujudkan peluang untuk dialog rentas komuniti untuk melahirkan kefahaman mengenai konteks minoriti di lapangan dan yang lebih penting adalah minoriti dalam minoriti kerana mereka berada di persimpangan di antara pelbagai kekurangan dan identiti serta bagaimana perkara ini memberi kesan kepada peluang mereka untuk terlibat. Antara yang terkesan adalah golongan wanita dan kanak-kanak - yang menjadi mangsa penghinaan dan perlanggaran hak berterusan disebabkan oleh status, ketiadaan kuasa, patriarki, dan sistem-sistem nilai yang mentadbir kedudukan mereka di dalam masyarakat.
54. Biarpun terdapat banyak persamaan dalam perlanggaran hak minoriti yang membawa kepada konflik, setiap kes juga dipengaruhi oleh keadaan politik yang unik dan latarbelakang ekonomi di setiap negara. Oleh itu, tindakan yang khusus bagi setiap negara perlu dirangka bagi menangani isu minoriti dengan kolaborasi pemegangtaruh tempatan termasuklah golongan minoriti dalam kerangka antarabangsa yang lebih luas.